



SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN PECAH TANAH PROJEK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KEPALA BATAS, MASJID PUTRA BERTAM DAN *KEPALA BATAS YOUTH CENTRE (KBYC)*, KEPALA BATAS, PULAU PINANG

PULAU PINANG, 2 NOVEMBER 2022 – YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri telah merasmikan Majlis Pelancaran Pecah Tanah Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Kepala Batas, Masjid Bandar Putra Bertam dan *Kepala Batas Youth Centre (KBYC)* yang bakal memberi manfaat kepada penduduk Kepala Batas di tapak cadangan Masjid Bandar Putra Bertam, Kepala Batas Pulau Pinang pada petang ini.

Turut hadir adalah YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang mewakili Ketua Menteri Pulau Pinang; YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBhg. Datuk M Noor Azman Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Jana Santhinaran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan serta barisan pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan, Agensi dan Kerajaan Negeri.

Majlis Pecah Tanah bagi ketiga-tiga projek ini diadakan sebagai simbolik pembangunan kepada penduduk tempatan di mana ia merupakan satu manifestasi kerjasama strategik di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

PPR Kepala Batas

'Satu Keluarga Satu Rumah' merupakan antara fokus Kerajaan bagi memastikan aspek **ketersediaan** perumahan rakyat dipenuhi khususnya bagi manfaat golongan B40. Pembangunan Projek PPR adalah selari dengan agenda Kerajaan di dalam menyediakan

dan memastikan **500,000 unit rumah mampu milik dapat disediakan di seluruh negara sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-12. Sehingga 31 Ogos 2022, sebanyak 156 projek PPR yang meliputi hampir 100 ribu unit kediaman telah dibangunkan di seluruh negara dengan peruntukan sebanyak RM8.6 bilion secara keseluruhannya.**

Majlis Pecah Tanah PPR Kepala Batas ini merupakan kesinambungan usaha kerajaan melalui KPKT dalam memastikan pembangunan dan pembinaan perumahan mampu milik sentiasa tersedia. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak **RM170 juta bagi membangunkan PPR Kepala Batas** di atas tanah seluas 20 ekar di Pongsu Seribu, Seberang Perai Utara. Ia meliputi **700 unit rumah pangsa (*walk-up*) termasuk 7 unit rumah bagi golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang berkeluasan 750 kaki persegi, dilengkapi tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air.** PPR ini juga turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas seperti surau, taska, tadika, dewan serbaguna, unit kedai dan gerai serta pelbagai kemudahan lain.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican berkata, "Pada masa ini, sebanyak lima (5) projek PPR telah dan sedang dilaksanakan di Pulau Pinang yang merangkumi empat (4) projek siap (999 unit) dan 1 projek dalam perancangan (700 unit). PPR Kepala Batas merupakan projek dalam perancangan di mana usaha Kerajaan menyediakan perumahan kepada Keluarga Malaysia khususnya di negeri Pulau Pinang."

Masjid Bandar Putra Bertam, Kepala Batas

Dalam majlis sama, YAB Perdana Menteri turut menyempurnakan Majlis Pelancaran Pecah Tanah bagi pembinaan **Masjid Bandar Putra Bertam** yang melibatkan pembangunan di atas tanah seluas **2.023 hektar** di Pongsu Seribu, Seberang Perai Utara milik Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Peruntukan pembinaan masjid ini menggunakan kaedah *cost-sharing* dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak **RM7 juta**. Perkongsian kos ini melibatkan peruntukan **RM4 juta** daripada **Kerajaan Persekutuan**, **RM2 juta** daripada **Kerajaan Negeri** dan **sumbangan sebanyak RM1 juta** oleh **pihak kariah melalui kutipan wakaf** dana pembangunan masjid.

Masjid yang bakal memberi manfaat kepada 1,500 orang jemaah ini dibina berkonsepkan **Green Design Approach** atau **bangunan mesra alam rendah karbon**. Ia juga akan

dilengkapi dengan sistem pengumpulan air hujan bagi kegunaan taman dan landskap di sekitar masjid seterusnya menjadikannya sebagai salah satu bangunan hijau dan *landmark* di Pulau Pinang.

Kepala Batas Youth Centre (KBYC)

Pelancaran Pecah Tanah **Kepala Batas Youth Centre (KBYC)** merupakan antara projek yang bakal dibina selaras dengan pengumuman Kerajaan pada Hari Sukan Negara 2022 baru-baru ini di Mukim 6, Seberang Perai Utara di atas tapak seluas **25 ekar** yang bernilai **RM45 juta**. KBYC ini akan menyediakan pelbagai kemudahan sukan yang lengkap dan bertaraf antarabangsa seperti asrama, astaka, padang bola dan trek sintetik, dewan *E-Sport*, bilik muzik, gimnasium, trek jogging, *skate park* dan pelbagai lagi kemudahan untuk golongan belia Keluarga Malaysia.

Ianya akan berfungsi sebagai *one stop centre* bagi aktiviti belia bukan sahaja di Negeri Pulau Pinang malah menjadi **hab sukan di wilayah utara Semenanjung Malaysia** dan diharap dapat memberi nafas dan semangat baharu kepada golongan belia yang aktif bersukan seterusnya menjadi pemangkin kecemerlangan sukan di wilayah utara seiring dengan slogan '**Belia Pencetus Revolusi Masa Depan Negara**'.

Dalam majlis tersebut juga, YAB Perdana Menteri turut menyampaikan **Surat Kelulusan Program Baik Pulih Rumah di Bandar Pulau Pinang di bawah inisiatif KPKT** kepada **10 orang Keluarga Malaysia**. Sepanjang pelaksanaan program ini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM110.7 juta** bagi **9,036 penerima** bantuan baik pulih rumah di seluruh negara sepanjang tempoh RMKe-11, manakala di **Pulau Pinang pula sebanyak 137 orang penerima telah menerima bantuan tersebut** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM 2.05 juta**.

Program Baik Pulih Rumah di Bandar melibatkan kerja-kerja pembaikan bumbung, siling, tangga, dapur, tandas, bilik air, pintu, dinding, lantai simen/kayu, tingkap, perpaipan rumah, pembentungan/ kumbahan dan pendawaian elektrik. Melalui hasil usaha berterusan ini, KPKT telah sedaya upaya membantu Ketua Isi Rumah (KIR) di bandar melalui peruntukan sebanyak **RM6.5 juta** dengan sasaran sebanyak **433 buah rumah** Keluarga Malaysia untuk dibaik pulih di Pulau Pinang dalam tempoh RMKe-12.

Melalui pelaksanaan ketiga-tiga projek ini, ia diharap dapat meningkatkan elemen daya huni dalam aspek perancangan dan pembangunan komuniti demi kesejahteraan Keluarga Malaysia secara keseluruhan. Selain itu, KPKT akan terus memfokuskan kepada matlamat menyediakan perumahan yang selesa untuk Keluarga Malaysia yang menjadi agenda utama KPKT dalam merealisasikan matlamat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui gagasan YB Menteri iaitu “**Malaysia Berdaya Huni atau *Liveable Malaysia***”.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bombardier Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

